

Pekebun kecil disaran gabung ladang untuk dapatkan hasil lebih

UM 14 JUL 1990

KELANA JAYA 13 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, ladang - ladang milik pekebun kecil FELDA harus digabungkan semula dan diurus sebagai ladang besar jika para peneroka ingin mendapatkan hasil yang lebih lumayan.

Beliau menegaskan, syarikat - syarikat perladangan telah membuktikan bahawa di Malaysia, pendapatan daripada ladang - ladang besar yang jumlah luasnya hanya separuh daripada jumlah keluasan kebun - kebun kecil, adalah sekali ganda lebih tinggi.

Perdana Menteri berkata, untuk tujuan ini anak - anak peneroka haruslah memberi tumpuan, kepada bidang pengurusan estet besar dan dilatih sebagai pengurus estet yang cekap.

"Jika mereka terpaksa balik ke skim FELDA, eloklah mereka balik sebagai pengurus estet yang cekap. Mereka tidak harus memandang rendah kepada profesion ini," katanya ketika merasmikan Asrama Semai Bakti untuk anak - anak peneroka dan pemberian sijil saham koperasi permodalan FELDA di sini petang ini.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir apa yang berlaku sekarang ialah apabila ladang - ladang FELDA dibahagikan kepada peneroka dan mereka mengambilalih pengurusan, hasilnya

amat mengecewakan.

Beliau berkata pertanian di masa depan tidak akan sama dengan pertanian sekarang.

Anak - anak peneroka yang berpelajaran tinggi, katanya, tidak mungkin kembali ke ladang kecil untuk menoreh getah atau mengait buah kelapa sawit.

"Saya berpendapat kita berhak kepada kehidupan yang setaraf dengan bangsa - bangsa lain yang maju. Kita tidak ingin kekal sebagai satu bangsa yang miskin, mundur dan terhina oleh kerana pencapaian kita kurang daripada orang lain," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir bimbang sekiranya sistem ini tidak diubah ladang - ladang kecil yang kini diuruskan oleh orang perseorangan akan ditinggalkan selepas peneroka asal tidak ada lagi.

"Sejajar dengan konsep pelaburan, rancangan - rancangan baru FELDA, peserta - peserta ditawarkan saham dan saya rasa jika masyarakat kita inginkan kemajuan, inilah cara yang patut diikuti.

"Sikap ingin memiliki tanah kerana ingin tanah semata - mata sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang. Bergantung kepada tanah sahaja adalah pendirian yang lapuk," tegas beliau.

Di majlis itu, Perdana Menteri telah me-

nyampaikan sijil saham bernilai \$30 juta hasil keuntungan terkumpulan perbadanan - perbadanan FELDA kepada wakil - wakil 142,000 orang peneroka dan kakitangan perbadanan itu.

Setiap seorang peneroka menerima saham bernilai \$200.

Beliau juga turut merasmikan bangunan Asrama Semai Bakti yang serba moden dan lengkap untuk anak - anak peneroka yang boleh menempatkan lebih 400 orang pelajar.

Asrama itu adalah yang keempat seumpamanya di seluruh negara.

Dalam ucapannya itu, Dato' Sri Dr. Mahathir juga berkata pemilikan saham harus menggantikan pemilikan tanah bahkan lain - lain bentuk harta.

Terlalu banyak tanah yang dimiliki melalui faraid tidak membawa hasil apa - apa kerana susah untuk diusahakan atau untuk dijual oleh kerana pemiliknya terlalu ramai dan sukar menguruskan tanah - tanah tersebut, tambahnya.

"Yang kita kawatirkan ialah akhirnya tanah - tanah FELDA akan dijual kepada pihak lain kerana ia tidak mendatangkan hasil dan waris yang bukan lagi bekerja sebagai peladang tidak berminat dengan tanah - tanah itu," ujar beliau.